

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

SEKSYEN I : BAHAGIAN A

Arahan Kepada Petender

1. AM

Arahan Kepada Perunding ini dalam mana mempengaruhi pelaksanaan perjanjian, hendaklah menjadi sebahagian daripada Kontrak.

2. DOKUMEN TENDER

2.1 Setiap perunding akan menerima satu (1) set Dokumen Tender yang terdiri daripada:

- (i) Seksyen I – Makluman Am
- (ii) Seksyen II – Dokumen Cadangan Teknikal dan Kos

2.2 Perunding adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap dokumen Tender yang adalah lengkap. Sekiranya terdapat apa-apa ketidaksempurnaan pada dokumen atau mukasurat di dalam Dokumen Tender berkenaan, adalah menjadi tanggungjawab perunding untuk merujuk kepada pejabat yang memanggil tender supaya pembetulan kepada ketidaksempurnaan tersebut dapat dibuat;

2.3 Perunding adalah dikehendaki mengisi dan melengkapkan dokumen-dokumen dalam Dokumen Tender Seksyen II seperti berikut:

- (i) Cadangan Teknikal (Borang A – Borang L)
- (ii) Cadangan Kos (Borang Tender Untuk Perkhidmatan Perunding Utama dan Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding);

2.4 Kegagalan pihak perunding untuk menyerahkan dokumen seperti yang dinyatakan di atas akan menyebabkan tendernya ditolak.

3. TEMPOH SAH LAKU TENDER

Tender ini hendaklah terus sah dalam tempoh **Seratus Dua Puluh (120) hari** dari tarikh tutup tender dan Perunding tidak dibenarkan sama sekali menarik diri dalam tempoh tersebut.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

4. KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

- 4.1 Kos Perkhidmatan Perunding yang dipersetujui di dalam Surat Setuju Terima (terdiri daripada Yuran Perunding dan Kos Imbuhan Balik adalah tetap (*at a fixed consultant fee*) sepanjang tempoh pelaksanaan projek.
- 4.2 Sekiranya harga tender kerja yang telah disetujui terima oleh Majlis **lebih rendah** daripada anggaran kos projek asal yang dijadikan asas untuk menentukan Kos Perkhidmatan Perunding, Majlis berhak membuat pelarasan ke atas kos perkhidmatan perunding tersebut. Pelarasan Kos Perkhidmatan Perunding bermaksud menurunkan kos secara berkadar mengikut harga tender kerja yang telah disetujui terima Majlis;
- 4.3 Sekiranya harga tender kerja yang telah disetujui terima oleh Majlis **lebih tinggi** daripada anggaran kos projek asal yang dijadikan asas untuk menentukan Kos Perkhidmatan Perunding, Majlis berhak mengekalkan Kos Perkhidmatan Perunding yang telah disetujui terima tanpa membuat apa-apa pelarasan.

5. PERCANGGAHAN DOKUMEN TENDER

- 5.1 Sekiranya perunding mendapati ada percanggahan di dalam Dokumen Tender, perunding hendaklah dengan serta merta merujuk kepada Pejabat yang memanggil Tender* iaitu:

**Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
Aras 3, Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
(u.p.: Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan)**

**Pastikan maklumat yang diisi adalah sama dengan maklumat di dalam surat pelawaan*

yang akan menyelesaikan dan/atau mengarahkan yang mana perlu diikuti. Penyelesaian atau arahan tersebut yang mengubah/menambah kandungan dokumen tender hanya sah jika dibuat dalam bentuk Adendum secara rasmi seperti yang dinyatakan di dalam Perenggan 6 di bawah.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

6. ADENDUM

- 6.1 Sebelum tarikh tutup tender, Pejabat yang memanggil tender boleh mengeluarkan Adendum untuk meminda sebahagian atau keseluruhan Dokumen Tender. Setiap adendum yang dikeluarkan akan diedarkan kepada perunding dan menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender.
- 6.2 Bukti penerimaan adendum hendaklah dikembalikan oleh perunding melalui Borang Bukti Penerimaan yang disertakan bersama-sama adendum dengan kadar segera.
- 6.3 Setiap adendum yang diterima oleh perunding hendaklah disertakan bersama-sama dokumen tender. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tender berkenaan ditolak.

7. INTERPRETASI SECARA LISAN

Interprestasi secara lisan kepada mana-mana bahagian Dokumen Tender atas permintaan dan/atau diterima perunding hendaklah tidak diambil kira sebagai pindaan sebarang peruntukan dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Dokumen Tender. Sebarang pemberitahuan atau pindaan kepada mana-mana bahagian di dalam Dokumen Tender akan dibuat secara bertulis oleh Pejabat yang memanggil tender di dalam bentuk Adendum seperti yang dinyatakan di Perenggan 5 dan 6 di atas.

8. NOTIS KEPADA PERUNDING

Setiap notis yang hendak diberikan kepada perunding akan dimaklumkan secara pos, emel atau faks ke alamat yang dinyatakan dalam Sijil Akuan Pendaftaran Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, alamat emel atau no faks seperti yang dicatatkan dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 dan pemakluman tersebut hendaklah disifatkan sebagai penyampaian Notis yang sempurna.

9. MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK PENILAIAN PERUNDING

- 9.1 Penilaian tender ini akan mengambilkira dan mementingkan keupayaan Perunding Utama untuk melaksanakan projek yang ditender, di samping kemunasabahan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos Perunding.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

- 9.2 Dalam tender ini, perunding hendaklah menawarkan perkhidmatan dalam bidang-bidang seperti berikut:
- (a) Awam dan Struktur
 - (b) Mekanikal dan elektrik
 - (c) Ukur Bahan
 - (d) Ukur Tanah
- 9.3 Perunding Utama hendaklah menyenaraikan nama-nama sub perunding yang akan memberi perkhidmatan bagi bidang-bidang yang dinyatakan di atas.
- 9.4 Selain daripada menawarkan perkhidmatan sebagai Perunding Utama, perunding juga boleh menawarkan perkhidmatan dalam bidang-bidang lain yang dinyatakan dalam Terma Rujukan sekiranya perunding berdaftar dalam kod bidang yang berkenaan.
- 9.5 Penilaian ke atas Perunding Utama akan dilaksanakan dalam **Lima (5) peringkat** seperti berikut:
- Saringan Awal;
 - Kelayakan Asas Tender;
 - Penilaian Teknikal;
 - Penilaian Kos; dan
 - Penilaian Keseluruhan.
- 9.6 Untuk membolehkan penilaian dibuat, **Perunding Utama** dikehendaki melengkapkan borang-borang yang disertakan di SEKSYEN II - Dokumen Tender ini dengan sempurna dan **mengembalikannya** seperti berikut :
- (a) Saringan Awal
- Bilangan Sub Perunding yang dinamakan menepati bilangan perkhidmatan yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di Perenggan 9.2 di atas dan Terma Rujukan.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

Sub Perunding tidak boleh menyertai tender dengan Perunding Utama yang lain bagi tender yang sama.

Sekiranya didapati salah satu sub perunding yang dicadangkan telah menyertai tender ini dengan Perunding Utama yang lain, maka penilaian bagi kelayakan asas tender tidak akan diteruskan.

Sub Perunding tidak boleh menyertai tender dengan Perunding Utama yang lain bagi tender yang sama kecuali sekiranya Jabatan mendapati bidang sub perunding yang diperlukan tidak mencukupi dalam pasaran.

Hanya Perunding yang melepasi peringkat Saringan Awal akan dibuat penilaian Kelayakan Asas Tender.

Bagi tujuan saringan ini, dokumen yang akan dirujuk adalah seperti berikut:

BORANG G - Senarai Nama dan Maklumat Am Perunding Utama dan Sub Perunding Mengikut Bidang

BORANG C2 - Surat Akuan Sub Perunding Tidak Menyertai Tender Dengan Perunding Utama Lain Dalam Tender Yang Sama

(b) Kelayakan Asas Tender

Mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

- (i) Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan mengikut Kod Bidang bagi **Perunding Utama** dan setiap **Sub Perunding**;
- (ii) Sijil Perakuan Pendaftaran Badan Profesional bagi **Perunding Utama** dan setiap **Sub Perunding**;

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

- (iii) Borang A – Akuan Kebenaran Perkongsian Maklumat dan Pengesahan Maklumat Oleh Perunding **Utama** dan setiap **Sub Perunding**;
- (iv) Borang B – Surat Akuan Perunding **Utama** dan setiap **Sub Perunding** Berkenaan Rasuah;
- (v) Borang C1 - Surat Akuan Bebas daripada Tindakan Tatatertib Lembaga Profesional/Sabitan Jenayah/Pakatan Harga yang berkaitan oleh **Perunding Utama** dan **Sub Perunding**; dan
- (vi) ~~Borang D – Surat Akuan Perunding Utama untuk Melaksanakan Program Protégé.~~
- (vii) Lampiran 12 - Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO) berdasarkan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 (Akta A 1701) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah siap diisi dan ditandatangani.
- (viii) Lampiran 13 - Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa yang telah siap diisi dan ditandatangani.

Hanya Perunding yang melepasi Kelayakan Asas Tender akan dibuat Penilaian Teknikal dan Penilaian Kos.

(c) Penilaian Teknikal

(i) Borang-borang berkaitan :

Borang E	Senarai Pengalaman Perunding Utama
Borang F	Senarai Kakitangan Teknikal Perunding Utama
Borang H	Cadangan Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding
Borang J	Cadangan Kaedah Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding
Borang K	Program Kepastian Kualiti Perunding Utama
Borang L	Cadangan Carta Organisasi Pasukan Perunding Utama dan Sub Perunding

(ii) Mengemukakan Maklumat Kewangan Oleh Perunding Utama:

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

- Salinan PENYATA AKAUN BANK* bagi dua belas (12) bulan yang terakhir firma masing-masing sebelum bulan tutup pelawaan yang disahkan oleh Pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan;

atau

- Salinan PENYATA KEWANGAN FIRMA* masing-masing bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender yang diaudit dan disahkan dengan Salinan diakui sah (*certified true copy*) ASAL oleh Juruaudit Bertauliah / Setiausaha Syarikat Berlesen.

**** Dokumen Wajib yang perlu dilengkapkan dan ditandatangani dengan sempurna***

(iii) Mengemukakan maklumat Firma bagi Perunding Utama seperti berikut:

- **Maklumat Am Latar Belakang Firma Perunding**
- **Borang E**
 - ✓ Senarai projek Kerajaan dan Swasta yang SEDANG DILAKSANAKAN oleh perunding dalam tempoh 3 tahun terkini dari tarikh tutup pelawaan.
 - ✓ Senarai Pengalaman perunding bagi projek Kerajaan dan Swasta yang TELAH SIAP dalam tempoh 3 tahun terkini dari tarikh tutup pelawaan.
 - ✓ Mengemukakan bukti Surat Setuju Terima perunding bagi setiap perkhidmatan yang dilantik bagi projek-projek yang dinyatakan di atas.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

- **Borang F**

- ✓ CV setiap kakitangan firma berstatus profesional; sijil keahlian Lembaga-lembaga Profesional.
- ✓ Salinan Penyata Caruman KWSP bagi bulan caruman terkini beserta Borang 'A' yang mengandungi nama setiap kakitangan tetap.

- **Borang G**

- ✓ Cadangan Senarai Nama Sub Perunding yang Dinamakan mengikut bidang berdasarkan Terma Rujukan

- **Borang H**

- ✓ Cadangan Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding dengan menyenaraikan aktiviti pelaksanaan secara terperinci berdasarkan Terma Rujukan.

- **Borang J**

- ✓ Kaedah Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding mengikut peringkat perkhidmatan berdasarkan Terma Rujukan.

- **Borang K**

- ✓ Menyenaraikan Program Kepastian Kualiti beserta bukti pelaksanaan/perancangan program berkenaan.

- **Borang L**

- ✓ Carta Organisasi Pasukan Perunding oleh Perunding Utama yang mengandungi peranan dan tanggungjawab setiap kakitangan Perunding Utama dan Sub Perunding.

(d) Penilaian Kos

- (i) **Perunding Utama perlu mengemukakan tawaran KOS PERKHIDMATAN PERUNDING (Tidak Termasuk 8% Cukai Perkhidmatan) yang merangkumi setiap perkhidmatan Sub Perunding yang dicadangkan berdasarkan Terma Rujukan;**

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

- (ii) Perunding perlu melengkapkan dan menandatangani Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding yang termasuk Sub Perunding mengikut bidang masing-masing.
- (iii) Mengisi Borang Tender dengan lengkap dan sempurna. **KOS PERKHIDMATAN PERUNDING** hendaklah diisi dengan betul di dalam Borang Tender. Sebarang kesilapan akan menyebabkan tawaran Perunding ditolak.

Nota: Borang Tender dan semua maklumat di dalam Borang A –L hendaklah sahih, lengkap dan **ditandatangani oleh penama dalam** Sijil Akuan Pendaftaran Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (yang mana berkenaan).

9.7 Dokumen Wajib perlu dilengkapkan dan ditandatangani dengan sempurna oleh Perunding Utama. **Dokumen Wajib** yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (a) Borang A Akuan Kebenaran Perkongsian Maklumat dan Pengesahan Maklumat Oleh Perunding
- (b) Borang B Surat Akuan Perunding Berkenaan Rasuah
- (c) Borang C1 Surat Akuan Bebas dari Tindakan Tatatertib oleh Lembaga Profesional/Sabitan Jenayah/Pakatan Harga
- (d) Borang C2 Akuan Sub Perunding Tidak Menyertai Tender dengan Perunding Utama Lain Dalam Projek Yang Sama
- (e) ~~Borang D~~ ~~Surat Akuan Perunding untuk Melaksanakan Program Protégé~~
- (f) Lampiran 12 Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO) berdasarkan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 (Akta A 1701) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah siap diisi dan ditandatangani.
- (g) Lampiran 13 Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang dan Buruh Paksa yang telah siap diisi dan ditandatangani.
- (h) Salinan PENYATA AKAUN BANK
- (i) Salinan PENYATA KEWANGAN TAHUNAN FIRMA

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

- 9.8 Sekiranya perunding gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen seperti di atas, maka maklumat tersebut tidak dapat disemak kerana ketidakcukupan dokumen dan tidak akan diambil kira dalam penilaian perunding berkenaan.
- 9.9 Perunding juga dikehendaki mengisi dua (2) **Senarai Semak Dokumen** iaitu:
- a) Senarai Semak Dokumen Kelayakan Asas Dan Cadangan Teknikal
 - b) Senarai Semak Dokumen Cadangan Kos
- Senarai Semak ini akan menjadi panduan semakan semula dan bukti penerimaan dokumen-dokumen di atas.
- 9.10 Semua dokumen di atas hendaklah dikemukakan sebelum atau pada tarikh tutup pelawaan. **Sebarang maklumat atau dokumen yang dikemukakan selepas tarikh dan waktu tutup pelawaan tersebut, TIDAK AKAN DINILAI.** Oleh itu, perunding adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelancaran penyerahan dokumen tender tersebut mengikut tarikh dan waktu yang ditetapkan.
- 9.11 Sekiranya Pegawai Penilai mendapati ada unsur pemalsuan dokumen atau salah nyataan maklumat, tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh Majlis ke atas perunding tersebut seperti berikut:
- (a) Tawaran perunding tidak akan dipertimbangkan (jika di peringkat pra-kontrak) atau kontrak ditamatkan (jika di peringkat pasca-kontrak);
 - (b) Membuat laporan kepada polis untuk diambil tindakan sekiranya didapati berlaku pemalsuan/salah nyataan dengan niat mempengaruhi keputusan Majlis untuk mempertimbangkan tawaran perunding;
 - (c) Membuat laporan kepada Pihak Berkuasa (MOF/Lembaga Profesional) untuk diambil tindakan tatatertib; dan
 - (d) Perunding disenarai hitamkan oleh MOF daripada menyertai mana-mana tender Kerajaan di masa akan datang.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

10. KRITERIA PENILAIAN

- 10.1 Secara amnya, penilaian hanya akan dilaksanakan ke atas Perunding Utama. Jika Perunding Utama gagal dalam penilaian, maka penilaian selanjutnya tidak akan diteruskan.
- 10.2 Terdapat dua (2) peringkat penilaian berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan dengan peratus (%) wajaran yang diberikan seperti berikut:

Bil.	Peringkat Penilaian	Peratus Wajaran (%)
1	Penilaian Teknikal	80
2	Penilaian Kos	20
	Jumlah	100

10.3 Penilaian Teknikal

Bil	Kriteria Utama Penilaian Teknikal	Peratus Wajaran (%)	
		A	B
1	Kapabiliti Firma Perunding	35	35
2	Kakitangan Yang Terlibat	30	30
3	Metodologi	30	25
4	Program Kepastian Kualiti	5	5
5	Sesi Pembentangan oleh Perunding (jika perlu)	-	5
	Jumlah	100	100

Kriteria utama penilaian teknikal akan merangkumi perkara-perkara berikut:

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

1. Kapabiliti Firma Perunding

- a. Lokasi ibu pejabat/ cawangan firma di negeri projek akan dilaksanakan;
- b. Projek yang seumpama pernah dilaksanakan sama ada projek Kerajaan/ Swasta/ Negara Luar;
- c. Pengalaman / penglibatan melaksanakan projek secara kaedah BIM;
- d. Bilangan dan jumlah nilai lantikan bagi projek Kerajaan untuk tempoh tiga (3) tahun terkini dari tarikh tutup pelawaan Tender;
- e. Bilangan, nilai dan status kerja dalam tangan bagi projek Kerajaan/Swasta yang sedang dilaksanakan;
- f. Nisbah ekuiti Bumiputra dalam firma melebihi Bukan Bumiputera/ Asing akan diberi pemarkahan yang lebih tinggi; dan
- g. Kedudukan kewangan firma iaitu kecukupan aliran tunai untuk menampung operasi firma.

2. Kakitangan Yang Terlibat

- a. Bilangan kakitangan firma yang meliputi kakitangan pengurusan (Pengarah dan Pengurus Firma), kakitangan penting (professional/pakar) dan kakitangan ikhtisas/separa ikhtisas lain;
- b. Pendaftaran dengan Lembaga Profesional bagi setiap kakitangan profesional; dan
- c. Kakitangan firma yang mempunyai kelayakan dan kompetensi melaksanakan projek secara kaedah BIM.

3. Kaedah pelaksanaan Perkhidmatan Perunding (Metodologi)

- a. Cadangan kaedah pelaksanaan yang menepati kehendak Terma Rujukan;
- b. Rangka kerja/aktiviti yang dicadangkan dalam pelaksanaan projek termasuk pemantauan, komunikasi dan pelaporan oleh perunding; dan
- c. Carta pasukan kerja beserta peranan dan tanggungjawab setiap ahli pasukan ke atas projek.

4. Program Kepastian Kualiti (QA)

- a. ISO/ MS-ISO (Pengurusan Berkaitan Pembinaan)/ Inovasi

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

10.4 Penilaian Kos

- (a) Penilaian Kos hanya dibuat ke atas perunding yang lulus penilaian teknikal sahaja di mana komponen utama Cadangan Kos adalah seperti berikut:
 - ✓ Yuran Perunding
 - ✓ Kos Imbuhan Balik
- (b) Penilaian yang dilaksanakan akan memastikan Cadangan Kos menepati ketetapan berikut:
 - (i) Yuran Perunding
 - ✓ Yuran perunding sama ada bagi skop perkhidmatan asas/ tambahan/khas adalah tetap sepanjang pelaksanaan sehingga projek siap. Oleh itu, perunding hendaklah menentukan yuran perunding berdasarkan kaedah pengiraan yang kompetitif dan munasabah dengan mengambilkira faktor-faktor lain yang dijangka perlu dihargakan dalam yurannya.
 - ✓ Penetapan yuran perunding secara pukal tanpa butiran adalah tidak dibenarkan. Mana-mana perunding yang menawarkan Yuran Perkhidmatan secara pukal, Cadangan Kos tersebut tidak akan dipertimbangkan.
 - (ii) Kos Imbuhan Balik

Bagi tujuan mengemukakan tawaran kos imbuhan balik ini, perunding perlu **MENGHARGAKAN** dan **MENGANGGARKAN KUANTITI** item-item yang telah disenaraikan dalam Format Cadangan Kos selaras dengan Terma Rujukan. Kadar bagi setiap item imbuhan balik hendaklah tidak melebihi kadar yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.
- (c) Cadangan Kos tersebut adalah lengkap dan sempurna apabila perunding telah menghargakan kedua-dua komponen utama Cadangan Kos iaitu Yuran Perunding dan Kos Imbuhan Balik.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

- (d) Mana-mana perunding yang gagal mengemukakan Cadangan Kos yang lengkap atau memberi Cadangan Kos dalam bentuk *Lump Sum* (tanpa dihartakan setiap sub-komponen) atau mengandungi kesilapan dalam pengiraan akan menyebabkan tawaran Perunding ditolak.

10.5 Penilaian Keseluruhan

Penilaian keseluruhan adalah berdasarkan *Quality and Cost Based Selection* (QCBS) seperti berikut:

Markah Keseluruhan = $(Q \times W_1) + (C \times W_2)$ di mana;

Q : Markah Penilaian Teknikal W_1 : Wajaran Penilaian Teknikal
C : Markah Penilaian Kos W_2 : Wajaran Penilaian Kos

Wajaran Penilaian Keseluruhan adalah ditetapkan seperti berikut:

Wajaran untuk Penilaian Teknikal	Wajaran untuk Penilaian Kos	Wajaran untuk Penilaian Keseluruhan
80%	20%	100%

Sekiranya terdapat cadangan perunding yang mempunyai markah penilaian kos yang sama (markah seri), penilaian akan melihat kepada markah yang telah diberikan ke atas kriteria kakitangan dan metodologi firma berkenaan dan mengutamakan firma yang mempunyai markah tertinggi dalam kedua-dua kriteria tersebut.

11. PENYERAHAN CADANGAN TEKNIKAL DAN CADANGAN KOS PERUNDING

- 12.1 Perunding dikehendaki mengemukakan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos mengikut format yang telah ditetapkan di dalam Dokumen Tender yang berasaskan Terma Rujukan.
- 12.2 Semua dokumen di atas hendaklah dikemukakan secara *hardcopy* sebanyak satu (1) salinan.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

12.3 Kaedah mengemukakan dokumen-dokumen cadangan adalah seperti berikut:

(a) Dokumen Cadangan Teknikal

Dokumen Cadangan Perunding Utama hendaklah dimasukkan dalam sampul dan dilabelkan seperti berikut:

**CADANGAN TEKNIKAL DOKUMEN PELAWAAN PEROLEHAN
PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) UNTUK**

NAMA PROJEK :.....
PERUNDING UTAMA :.....
 DITUTUP PADA JAM 12.00 TENGAH HARI

(b) Dokumen Cadangan Kos

Dokumen Cadangan Perunding Utama hendaklah dimasukkan dalam sampul dan dilabelkan seperti berikut:

**CADANGAN KOS DOKUMEN PELAWAAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN
PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) UNTUK**

NAMA PROJEK :.....
PERUNDING UTAMA :.....
 DITUTUP PADAJAM 12.00 TENGAH HARI

(c) Dokumen-dokumen di perenggan (a) dan (b) hendaklah dibungkus/ dikotakkan bersekali oleh Perunding Utama sebelum diserahkan ke tempat penerimaan tender. Nama projek hendaklah ditulis dengan jelas dan terang pada bungkus atau kotak tersebut.

**DOKUMEN PELAWAAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA
LEAD CONSULTANT (LC) UNTUK**

NAMA PROJEK :.....
 DITUTUP PADA.....JAM 12.00 TENGAH HARI

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

12.4 Semua dokumen tawaran hendaklah dikemukakan kepada:

**Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
Aras 3, Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.**

pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari seperti di dalam pelawaan. Perunding yang lewat mengemukakan tawaran dari tarikh dan masa tersebut tidak akan dipertimbangkan.

12.5 Dokumen Tender yang lewat diterima **AKAN DITOLAK**.

12.6 Tiada sebarang perubahan, tambahan atau nota yang dibenarkan boleh dibuat kepada Dokumen Tender ini yang mengubah teks yang bercetak.

12. KEPUTUSAN TENDER ADALAH MUKTAMAD

12.1 Majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari perunding. Keputusan mengenai tender yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan tender tidak akan dilayan.

13. PENERIMAAN ATAU PENOLAKAN TAWARAN

13.1 Majlis berhak untuk menolak mana-mana atau keseluruhan tawaran. Mana-mana tawaran yang tidak lengkap, tidak jelas atau tidak mematuhi arahan akan ditolak.

13.2 Pihak Majlis adalah tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran terendah atau sebarang tawaran, dan juga tidak perlu memberikan sebarang alasan terhadap mana-mana tender yang ditolak.

14 INSURANS DAN *PROFESSIONAL INDEMNITY INSURANCE* (PII)

14.1 Perunding Utama bertanggungjawab menanggung kos dan perbelanjaannya sendiri dan mengekalkan semua insurans yang diperlukan termasuk insurans

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

untuk jurutera profesional, jurutera siswazah, kakitangan sub-profesional dan pekerjanya. Perunding Utama juga harus memastikan bahawa Sub-Perunding mengekalkan perlindungan insurans yang sama dengan kos ditanggung sendiri oleh firma perunding masing-masing. Insurans ini akan sah sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

- 14.2 Perunding Utama adalah diwajibkan untuk mengambil *P/I* sebagai sekuriti bagi melindungi segala liabiliti yang disebabkan kecuaiian atau kesilapan firma, rakan kongsi dan kakitangan semasa memberikan perkhidmatan perundingan di dalam projek pembangunan fizikal. Perunding Utama juga bertanggungjawab untuk memastikan sub perunding mengambil *P/I*. Kos premium bagi *P/I* hendaklah ditanggung sendiri oleh firma perunding masing-masing.
- 14.3 Tempoh sah laku *P/I* hendaklah meliputi minimum dua belas (12) bulan selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat bagi projek berkenaan.

15. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 15.1 Perunding Utama wajib mengemukakan **Borang B** – Surat Akuan Perunding bersama-sama dengan Dokumen Tender di mana perunding berwaad untuk tidak menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender tersebut. Surat Akuan Perunding ini hendaklah dilengkapi dan ditandatangani oleh penama dalam Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.
- 15.2 Surat Akuan Perunding tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam **Penilaian Kelayakan Asas Tender**. Sekiranya perunding gagal mengemukakan Surat Akuan Perunding yang telah dilengkapi dan ditandatangani, perunding tersebut akan dinilai sebagai gagal dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.
- 15.3 Perunding yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Perunding Berjaya berserta dengan Surat Setujuterima yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Perjanjian.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

- 15.4 Pemalsuan maklumat dokumen dan rekod untuk mengaburi penilaian perolehan adalah kesalahan jenayah dan boleh disabitkan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574).

16 IKLAN

Perunding tidak dibenarkan menyiarkan sebarang maklumat mengenai tender di dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa.

17 KERAHSIAAN

- 17.1 Perunding tidak boleh berkomunikasi atau mendedahkan dengan mana-mana orang/ badan/ entiti apa-apa maklumat sulit berkaitan tender ini untuk tujuan penyediaan atau melaksanakan Perkhidmatan atau yang ditemui oleh perunding kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis atau arahan daripada Kerajaan.
- 17.2 Perunding juga tidak boleh memberi maklumat kepada orang ramai mengenai cadangan, penilaian dan pendapat yang dirumuskan semasa penyediaan atau selepas pelaksanaan Perkhidmatan; dan tidak membuat pernyataan akhbar yang berkaitan dengan Perkhidmatan, dan tidak menggunakan maklumat/ rekabentuk/lukisan/laporan dan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk tujuan lain selain daripada yang ditetapkan dalam tender ini.

18 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua perunding adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para perunding diberi peringatan seperti berikut:

- 18.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 18.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

- 18.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan perunding boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 18.4 Mana-mana perunding yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

19. PERINGATAN MENGENAI LARANGAN MENGEMUKAKAN DOKUMEN/MAKLUMAT PALSU DAN PAKATAN HARGA

- 19.1 Perunding hendaklah memastikan semua dokumen/maklumat yang dikemukakan dalam perolehan ini adalah benar, sahih dan tiada keraguan.
- 19.2 Perunding hendaklah tidak melibatkan diri dalam pakatan harga dalam perolehan ini.
- 19.3 Sekiranya didapati perunding mengemukakan maklumat palsu dan/atau meragukan dan/atau terlibat dalam pakatan harga maka, Kerajaan mempunyai hak untuk mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:
- (a) Tawaran perunding tidak akan dipertimbangkan (jika di peringkat pra-kontrak) atau kontrak ditamatkan (jika di peringkat pasca-kontrak);
 - (b) Laporan kepada polis akan dibuat untuk diambil tindakan sekiranya didapati berlaku pemalsuan/salah nyataan dengan niat mempengaruhi keputusan Kerajaan untuk mempertimbangkan tawaran perunding (bagi kes maklumat palsu dan/atau meragukan);
 - (c) Laporan kepada MyCC akan dibuat untuk diambil tindakan di bawah Akta Persaingan Malaysia (bagi kes pakatan harga);
 - (d) Laporan kepada Pihak Berkuasa (MOF/Lembaga Profesional) akan dibuat untuk diambil tindakan tatatertib; dan
 - (e) Perunding disenarai hitamkan oleh MOF daripada menyertai mana-mana tender Kerajaan di masa akan datang.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

20. CUKAI PERKHIDMATAN

- 20.1 Cukai Perkhidmatan ke atas Kos Perkhidmatan Perunding berdasarkan kadar peratusan yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang mana cukai tersebut akan dibayar oleh Agensi kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melalui perunding yang berdaftar dengan JKDM.
- 20.2 Cukai Pegangan ke atas Kos Perkhidmatan Perunding berdasarkan kadar peratusan yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Cukai tersebut akan dibayar oleh Agensi kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sekiranya perunding tersebut dilantik oleh Agensi atau dibayar oleh firma jika perunding asing tersebut dilantik oleh firma tempatan.
- 20.3 Perunding Utama termasuk Sub Perunding yang dinamakan hendaklah mengemukakan salinan Pendaftaran Cukai Perkhidmatan daripada JKDM (sekiranya ada) bersama Dokumen Tender sebelum atau pada tarikh tutup tender.

~~21. PROGRAM PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS (PROTÉGÉ)~~

- ~~21.1 Perunding adalah dikehendaki melaksanakan program PROTÉGÉ dalam perolehan Perkhidmatan Perunding projek Kerajaan mengikut had nilai ambang RM5 juta harga kontrak perkhidmatan perunding.~~
- ~~21.2 Perunding adalah **DIGALAKKAN** melaksanakan program PROTÉGÉ dalam perolehan Perkhidmatan Perunding projek Kerajaan walaupun harga kontrak perkhidmatan perunding tidak mencapai had nilai ambang RM5 juta.~~

$$\frac{1\% \times \text{Harga Kontrak}}{\text{RM24,000}^*}$$

~~*Elaun PROTÉGÉ (RM2,000 seorang X 12 bulan)~~

- ~~21.3 Bagi harga kontrak perkhidmatan perunding yang mencapai had nilai ambang RM5 juta, Perunding adalah **WAJIB** mengemukakan Surat Akuan Perunding Untuk Melaksanakan Program PROTÉGÉ seperti di **Borang D** bersama dengan Dokumen Tender.~~
- ~~21.4 Surat Akuan Perunding Untuk Melaksanakan Program PROTÉGÉ tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Cadangan Perunding. Sekiranya perunding gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh penama dalam Sijil Akuan Pendaftaran Firma~~

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

~~Perunding dengan Kementerian Kewangan, perunding tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.~~

22. PERJANJIAN PELANTIKAN SUB PERUNDING OLEH PERUNDING UTAMA

Perunding Utama hendaklah mengemukakan Perjanjian Pelantikan Sub Perunding selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan dan selewat-lewatnya sebelum bayaran kemajuan pertama dikeluarkan. Perjanjian tersebut hendaklah mengandungi peranan dan tanggungjawab Perunding Utama dan Sub Perunding secara berse sama dan berasingan serta ditandatangani oleh kesemua perunding yang terlibat dan disetemkan.

23. LARANGAN PEMINDAHAN EKUITI FIRMA SEPANJANG TEMPOH KONTRAK

Perunding Utama dan Sub Perunding adalah dilarang untuk membuat pemindahan ekuiti firma sepanjang tempoh kontrak berkuatkuasa kecuali mendapat kelulusan Kerajaan terlebih dahulu.

24. LARANGAN MENGEMUKAKAN TAWARAN ALTERNATIF

Perunding tidak dibenarkan mengemukakan tawaran alternatif.

25. PENJELASAN BERHUBUNG PROSES PEROLEHAN KERAJAAN (DEBRIEFING) BAGI PEROLEHAN TERTAKLUK KEPADA FTA

25.1. Petender boleh mengemukakan permohonan debriefing bagi perolehan tertakluk kepada FTA secara rasmi melalui surat/ e-mel kepada agensi dalam tempoh lima (5) hari mulai tarikh keputusan PBM dipaparkan di dalam portal MyPROCUREMENT.

25.2. Pihak Majlis boleh mengemukakan penjelasan berhubung proses perolehan (debriefing) bagi perolehan tertakluk kepada FTA ke atas mana-mana permohonan daripada pembida secara rasmi melalui surat/ e-mel kepada agensi dalam tempoh lima (5) hari mulai tarikh keputusan Pihak Berkuasa Melulus dipaparkan di dalam portal MyPROCUREMENT.

25.3. Keputusan Majlis adalah muktamad tertakluk kepada bantahan yang diterima.

25.4. Tindakan tatatertib boleh diambil oleh Majlis terhadap petender yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau petender yang menolak tawaran setelah SST dikeluarkan oleh Majlis atau petender tidak melaksanakan kerja setelah mengembalikan SST yang telah ditandatangani.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

Senarai Semak Dokumen Cadangan Kos

Senarai semak ini perlulah dimasukkan sebagai **MUKA DEPAN** di dalam Cadangan Kos. Petender hendaklah memastikan Cadangan Kos merangkumi semua dokumen yang dinyatakan di bawah. Kegagalan petender mengemukakan dokumen di bawah dengan lengkap akan menyebabkan **Tender ditolak.**

Bil	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN :			
	Dokumen Yang Dikemukakan	Sila Tandakan (√)		
		Ditanda oleh Petender	Untuk kegunaan Pejabat	Catatan
1.	Borang Tender			
2.	Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding (Setiap butiran komponen dan sub komponen hendaklah dihargakan)			
3.	Satu (1) CD atau 'thumbdrive' mengandungi <i>soft copy</i> cadangan teknikal dan kos yang lengkap diisi oleh petender			

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan lengkap.

.....
..... Nama Prinsipal :

No K.P. :

Tarikh :

Cap Firma :

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

Tambahan Kepada Arahan Kepada Petender

26. KONTRAK JU'ALAH

26.1 Petender yang dilantik adalah mengikut kontrak Ju'alah yang mana Ju'alah merujuk kepada satu pihak (Ja'il) berjanji akan memberi ganjaran (Ju'l) kepada pihak lain ('Amil) sebagai imbalan kerana telah melaksanakan sesuatu tugas atau kerja tertentu dalam suatu tempoh yang ditetapkan atau tidak ditetapkan.

27. FI PERKHIDMATAN DOKUMEN PERJANJIAN

27.1 Petender yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian secepat mungkin selepas semua terma dan syarat-syarat dalam perjanjian tersebut dipersetujui kedua-dua pihak dari tarikh keluarnya surat setuju terima. Petender juga akan **menanggung kos penyediaan Dokumen Perjanjian** yang ditetapkan oleh pihak Majlis. Sekiranya Petender gagal untuk menandatangani kontrak dalam tempoh tersebut, ia boleh menyebabkan proses bayaran tidak dapat dilaksanakan. Sila rujuk jadual fi sepertimana dibawah.

27.2 Jumlah Fi yang dinyatakan di bawah adalah tidak termasuk Cukai Perkhidmatan sebanyak 8%. Cukai Perkhidmatan bagi Fi di bawah akan dikenakan berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2025**.

JADUAL FI PERKHIDMATAN DOKUMEN PERJANJIAN MENGIKUT NILAI KONTRAK

BIL.	NILAI KONTRAK	JUMLAH FI (RM)
1	< RM 10,000.00	500.00
2	RM 10,001.00 sehingga RM 50,000.00	1,000.00
3	RM 50,001.00 sehingga RM 100,000.00	1,500.00
4	RM 100,001.00 sehingga RM 500,000.00	3,000.00
5	RM 500,001.00 ke atas	(1% dari harga kontrak @ 10,000.00) mana lebih rendah.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

28. DENDA BAGI TUNTUTAN BAYARAN LEWAT

- 28.1 Petender yang sebut harganya disetuju terima adalah diingatkan supaya mengemukakan tuntutan invois bayaran kepada pihak Majlis di dalam tempoh 31 hari atau sebulan selepas kerja-kerja siap dilaksanakan ditapak. Sekiranya tuntutan invois interim diterima selepas dari tempoh tersebut, denda sebanyak RM10.00 sehari akan dikenakan terhadap kontraktor dimana ianya akan ditolak daripada jumlah bayaran interim tersebut.
- 28.2 Jumlah kadar denda terkumpul maksimum yang boleh dikenakan kepada kontraktor / pembekal adalah sebanyak 1% (satu peratus) daripada jumlah sesuatu tuntutan.

29. POLISI KESELAMATAN SIBER MBSJ DAN AKTA RAHSIA RASMI 1972

- 29.1 Petender berjaya yang memerlukan akses kepada data/maklumat/premis atau kawasan-kawasan sensitif/terperingkat MBSJ perlu menandatangani Surat Akuan Pematuhan Polisi Keselamatan Siber MBSJ dan Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972.
- 29.2 Keperluan menandatangani Perakuan-perakuan tersebut adalah bagi :-
- (a) Menjamin keselamatan maklumat/data MBSJ.
 - (b) Mengelak kebocoran maklumat/data MBSJ.
 - (c) Memastikan pengguna maklumat dan kemudahan proses maklumat oleh pihak ketiga dikawal.
 - (d) Melindungi Aset ICT MBSJ.
 - (e) Memastikan kontraktor/vendor bertanggungjawab atas tindakan mereka sepanjang melaksanakan kerja di MBSJ.
- 29.3 Perakuan-perakuan tersebut yang telah lengkap perlu diserahkan kepada Pegawai Penguasa/wakil Pegawai Penguasa sebelum kerja/perkhidmatan/bekalan dilaksanakan atau di dalam tempoh yang munasabah sebelum kontraktor dibenarkan untuk akses kepada data/maklumat/premis atau kawasan-kawasan sensitif/terperingkat MBSJ.

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

30. PERINTAH GAJI MINIMUM 2024

- 30.1 Petender hendaklah memastikan bahawa harga tawaran yang dikemukakan telah mengambil kira peruntukan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2024 yang telah diwartakan pada 1 Februari 2025 melalui Warta P.U. (A) 376 dan tiada pelarasan kadar harga boleh dilakukan disebabkan kegagalan petender mematuhi peraturan ini.

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan lengkap.

.....
Nama Prinsipal :
No K.P :
Tarikh :
Cap Firma :

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

Senarai Semak Dokumen Kelayakan Asas Dan Cadangan Teknikal

Senarai semak ini perlulah dimasukkan sebagai **MUKA DEPAN** di dalam Cadangan Teknikal. Petender hendaklah memastikan semua dokumen yang dinyatakan di bawah adalah lengkap. Kegagalan petender mengemukakan **dokumen bagi item 1 - 2** di bawah akan mengakibatkan Cadangan **Tender ditolak**.

Bil	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN :			
	Dokumen Yang Dikemukakan	Sila Tandakan (√)		
		Ditanda oleh Petender	Untuk kegunaan Pejabat	Catatan
1.	Sijil-sijil yang wajib dikemukakan:			
	1(i) Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan mengikut Kod Bidang bagi Perunding Utama dan setiap Sub Perunding .			
	1(ii) Sijil Perakuan Pendaftaran Badan Profesional bagi Perunding Utama dan setiap Sub Perunding.			
2.	Dokumen Wajib yang perlu dikemukakan:			
	2(i) Borang A – Akuan Kebenaran Perkongsian Maklumat dan Pengesahan Maklumat Oleh Perunding Utama dan setiap Sub Perunding			
	2(ii) Borang B – Surat Akuan Perunding Utama dan setiap Sub Perunding Berkenaan Rasuah			
	2(iii) Borang C1 - Surat Akuan Bebas daripada Tindakan Tatatertib Lembaga Profesional/Sabitan Jenayah/Pakatan Harga yang berkaitan oleh Perunding Utama dan Sub Perunding			
	2(iv) Borang C2 – Akuan Sub Perunding Tidak Menyertai Tender dengan Perunding Utama Lain Dalam Tender yang sama (kecuali bagi bidang yang diberi pengecualian sahaja)			

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA LEAD CONSULTANT (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

Bil	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN :				
	Dokumen Yang Dikemukakan		Sila Tandakan (✓)		
			Ditanda oleh Petender	Untuk kegunaan Pejabat	Catatan
	2(v)	Borang D — Surat Akuan Perunding Utama untuk Melaksanakan Program Protégé			
	2(vi)	Salinan Penyata Akaun Bank bagi dua belas (12) bulan yang terakhir firma sebelum bulan tutup tender yang disahkan oleh Pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan. Atau Salinan PENYATA KEWANGAN FIRMA* masing-masing bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender yang diaudit dan disahkan dengan Salinan diakui sah (<i>certified true copy</i>) ASAL oleh Juruaudit Bertauliah/Setiausaha Syarikat Berlesen.			
	2(vii)	Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO) (Lampiran 12) berdasarkan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 (Akta A 1701) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah siap diisi dan ditandatangani.			
	2(viii)	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang dan Buruh Paksa (Lampiran 13) yang telah siap diisi dan ditandatangani.			
	2(ix)	Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun kalendar semasa dan berstatus ' PATUH ' – sila rujuk Garis Panduan Operasi Bil 1. Tahun 2025 Lembaga Hasil Dalam Negeri di lampiran kepada Arahan Kepada Petender.			

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

Bil	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN :			
	Dokumen Yang Dikemukakan	Sila Tandakan (✓)		
		Ditanda oleh Petender	Untuk kegunaan Pejabat	Catatan
3.	Dokumen lain yang perlu dikemukakan			
3(i)	Borang E – Senarai Pengalaman Perunding Utama			
3(ii)	Borang F – Senarai Kakitangan Teknikal Perunding Utama			
3(iii)	Borang G – Senarai Nama dan Maklumat Am Perunding Utama dan Sub Perunding Mengikut Bidang			
3(iv)	Borang H – Cadangan Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding			
3(v)	Borang J – Cadangan Kaedah Pelaksanaan Perkhidmatan Perunding			
3(vi)	Borang K – Program Kepastian Kualiti Perunding Utama			
3(vii)	Borang L – Cadangan Carta Organisasi Pasukan Perunding Utama dan Sub Perunding			
3(vii)	Salinan Pendaftaran Cukai Perkhidmatan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia			
4.	Satu (1) CD atau 'thumbdrive' mengandungi soft copy cadangan teknikal dan kos yang lengkap diisi oleh petender			

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan lengkap.

.....
 Nama Prinsipal :
 No K.P :
 Tarikh :
 Cap Firma :

SEKSYEN I : BAHAGIAN A

Dokumen Meja Terkawal

PERKHIDMATAN PERUNDING SECARA *LEAD CONSULTANT* (LC) BAGI PROJEK CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN